



Pekerja hayati prinsip integriti tak abai tugas

Sebarang bentuk penyelewengan boleh dibendung jika amanah dalam pekerjaan

Kita sering terlupa hakikat kejadian manusia menyebabkan lahirnya sifat sombong dan riak sesama insani malah, dengan Dia Yang Maha Pencipta. Matlamat penciptaan manusia di muka bumi ini adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Beribadah, melakukan amal soleh termasuk tanggungjawab dan amanah untuk memakmurkan bumi ini mengikut acuan serta panduan yang telah digariskan oleh syarak. Sungguhpun Dia memerintahkan kita mengabdikan diri, ia bukanlah untuk faedah

dan manfaat Allah SWT tetapi diri kita sendiri.

Berbuat baik dalam perlakuan

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah-Ku. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepada-Ku. Sesungguhnya Allah, Dialah saja Yang Memberi rezeki, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaan-Nya." (Surah Az-Zaariyat, ayat 56-58)

Ada sebab mengapa setiap yang beriman kepada Allah SWT diperintahkan beramal soleh dan berbuat baik dalam perlakuan mereka. Jika bekerja, kita harus bekerja dengan penuh tanggungjawab dan amanah.

Setiap amalan haruslah dengan menyandarkan niat untuk mendapat keredaan Allah SWT. Banyak masalah yang akan timbul jika amalan dilakukan bersandarkan kepuasan, keredaan manusia dan pada masa sama melanggar prinsip agama.

Sebagai khalifah di muka bumi, setiap Muslim harus sedar, setiap amalan wajib dilakukan untuk mendapat keredaan Allah SWT dan sudah tentulah perlu disempurnakan dengan penuh integriti, jujur serta telus.

Sebagai pekerja yang benar-benar menghayati prinsip integriti, kita akan sentiasa amanah, jujur, telus dan bertanggungjawab di samping menyerahkan sifat mahmudah seperti rajin, tekun, berdisiplin, mengutamakan kualiti serta kesempurnaan dalam setiap tugasan.

Sebaliknya, jika tidak amanah, mengingkari janji, tidak jujur dan tidak telus dalam apa juga perbuatan, jelas sekali seseorang itu tidak berintegriti.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan janganlah kamu makan harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) harta manusia dengan (berbuat) dosa, pada hal kamu mengetahui (salahnya)." (Surah al-Baqarah, ayat 188)

Ramai yang melihat penyelewengan, penipuan serta salah guna kuasa dari sudut wang, tetapi tidak menilai penyelewengan dalam bentuk tidak amanah terhadap tanggungjawab. Contohnya, suami tidak amanah kepada isteri, bapa tidak amanah kepada anak, pemimpin tidak amanah kepada rakyat.

Masalahnya, apa pun bentuk penyelewengan, sedikit atau banyak, ia tetap akan menjadikan rezeki yang diperolehi mungkin haram. Sedangkan Rasulullah SAW bersabda: "Setiap daging yang tumbuh dari makanan yang haram, maka nerakalah tempat yang selayaknya." (Riwayat at-Tarmizi)

Tidak berintegriti bukan saja menjadikan sesuatu amalan itu tidak sempurna malah tiada keberkatan dan keredaan Allah SWT. Dalam pekerjaan, apabila tidak berintegriti, terdapat beberapa bentuk 'hukuman dunia' dilaksanakan seperti tindakan disiplin, buang kerja, tiada kenaikan gaji atau pangkat.

Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah itu baik dan tidak akan menerima keculai yang baik. Baginda kemudian menceritakan kisah seorang lelaki yang musafir, berambut kusut masai, berdebu, berdoa tidak henti-henti kepada Allah: Wahai Tuhan! Wahai Tuhan! Wahai Tuhan! Sedangkan makanannya haram, minumannya juga haram, pakaian yang membaluti badannya juga haram serta perutnya dikenyangkan dengan sumber yang haram, maka bagaimana dosa boleh diterima." (Riwayat Imam Muslim)

Kehidupan tanpa integriti

Banyak kisah yang telah menjadi pengajaran kepada kita untuk menginsafi kehidupan tanpa integriti. Tamadun manusia yang hebat dahulunya telah Allah SWT musnahkan sekeli mata hanya kerana kerakusan pemimpin dan rakyat yang tidak berintegriti.

Meskipun ada yang cuba sedaya upaya menjauhi akhlak buruk seperti tidak jujur dan amanah dalam menjalankan tanggungjawab sebagai hamba Allah, sesama manusia dan alam, tetapi sistem sokongan yang tidak membantu menyukarkan usaha ini.

Cabaran paling utama era ini ialah membudayakan integriti. Tanpa kesedaran rohani, ia tidak akan mampu menjana sifat insaniah dalam diri. Justeru, pemimpin perlu mempamerkan integriti yang tinggi kerana mereka sering menjadi qudwah hasanah kepada rakyat.

Sifat mazmumah yang sekian lama beraja di hati terutama tamak haloba, dengki, khianat, tindas menindas, kezaliman dan seumpamanya sehingga mendatangkan kemudaratatan dan kesengsaraan kepada rakyat dan boleh mendedahkan negara kepada pelbagai risiko keselamatan perlulah dibuang.



NIK SALIDA SUHAILA NIK SALEH

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia